

Hubungan di antara Kaedah Pembelajaran Koperatif dengan Kemahiran Bekerja Secara Berpasukan dalam Kalangan Pelajar KUIS

The Relationship between Cooperative Learning Methods and Teamwork Skills among KUIS Students

Safura Ahmad Sabri

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Malaysia
safura@kuis.edu.my

Hanis Fatimah Mohamad Nazan

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Malaysia
18bb02022@student.kuis.edu.my

Nurauliani Jamlus Rafdi

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Malaysia
nurauliani@kuis.edu.my

Kata Kunci:

Kemahiran insaniah; Kerja berpasukan; PdP; Pembelajaran koperatif

ABSTRAK

Kemahiran kerja berpasukan merupakan antara elemen terpenting yang menjadi pelengkap kepada kemahiran insaniah dalam menghasilkan individu yang kompeten dan berkualiti serta seimbang daripada sudut akademik mahupun interpersonal. Perkara ini telah lama diperkatakan dan masih memerlukan proses penambahbaikan bagi mengatasi isu kebolehpasaran dan pengangguran dalam kalangan pelajar khususnya yang baru menamatkan pengajian di peringkat institusi pengajian tinggi. Maka tidak hairanlah apabila perkara ini sering mendapat perhatian daripada pelbagai pihak yang berperanan dalam menghasilkan pelajar atau modal insan yang berpotensi dilengkapi dengan kemahiran insaniah bagi memenuhi pasaran semasa menerusi aktiviti-aktiviti yang dijalankan, antaranya melalui proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Justeru, kajian ini dijalankan untuk menilai tahap kemahiran bekerja secara berpasukan dalam kalangan pelajar serta menentukan hubungan di antara kaedah pembelajaran koperatif dengan kemahiran bekerja secara berpasukan dalam kalangan pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Seramai 170 orang responden telah dipilih dalam kalangan pelajar dari Fakulti Pengurusan dan Muamalah, KUIS. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian SPSS dengan menjalankan

analisis deskriptif dan korelasi pearson. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kemahiran bekerja secara berpasukan pelajar berada pada tahap yang tinggi serta terdapat hubungan yang positif dan signifikan di antara kaedah pembelajaran koperatif dengan kemahiran bekerja secara berpasukan dalam kalangan pelajar. Ini membuktikan bahawa kaedah pembelajaran koperatif mampu mendorong pelajar dalam pelajaran iaitu seiring dengan kemahiran bekerja secara berpasukan pelajar kerana terdapat perbincangan dan kerjasama antara pelajar.

Keywords:

Soft skills;
Teamwork; PdP;
Cooperative
learning.

ABSTRACT

Teamwork skills are one of the most important elements that complement the soft skills in producing competent and quality individuals as well as balanced from an academic and interpersonal point of view. This matter has been discussed for a long time and is still in the process of improvement in overcoming the issue of marketability and unemployment among students, especially those who have just graduated at the tertiary institution level. Therefore, it is not surprising when this matter often gets attention from various parties who play a role in producing students or human capital who are potentially equipped with soft skills to meet the current market through activities carried out, including through the teaching and learning process (PdP). Thus, this study was conducted to assess the level of teamwork skills among students and determine the relationship between cooperative learning methods with teamwork skills among students of International Islamic University College Selangor (KUIS). A total of 170 respondents were selected among students from the Faculty of Management and Muamalah, KUIS. The data obtained were analyzed using SPSS software by conducting descriptive analysis and pearson correlation. The results show that the level of teamwork skills of students is at a high level and there is a positive and significant relationship between cooperative learning methods with teamwork skills among students. This proves that the cooperative learning method can motivate students in the lesson that is in line with the skills of working in teams of students because there is discussion and cooperation between students.

Received: June 8, 2022

Accepted: June 27, 2022

Online Published: June 30, 2022

PENDAHULUAN

Dewasa kini, statistik bilangan graduan daripada pelbagai institusi pengajian tinggi menunjukkan peningkatan pada setiap tahun berbanding sebelumnya iaitu seramai 121,422 oleh Universiti Awam dan 99,865 oleh Institusi Pengajian Tinggi Swasta pada tahun 2020 hasil pengemaskinian data-data pelajar. Ini menjadikan saingan di antara para graduan dalam

menempatkan diri di sektor-sektor yang menawarkan peluang pekerjaan menjadi semakin sengit. Isu ini juga sering diperkatakan terutama apabila melibatkan kebolehpasaran graduan dan juga kadar pengangguran siswazah. Seiring dengan pertambahan graduan yang dihasilkan ini, persepsi majikan terhadap penilaian dalam pengambilan pekerja turut berubah iaitu dengan melihat daripada pelbagai sudut secara seimbang. Majikan mula menyedari keperluan kemahiran bukan teknikal atau juga dikenali sebagai kemahiran insaniah atau interpersonal di mana ianya berdiri sama tinggi dengan keperluan kemahiran teknikal dalam sesuatu bidang meliputi pelbagai sektor industri (Zaliza et al., 2018).

Kemahiran insaniah memberi nilai tambah kepada graduan yang mana ianya diperlukan oleh organisasi untuk memberikan peluang pekerjaan di syarikat mereka. Ini sejajar dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang menggariskan bahawa kebolehpasaran graduan bergantung kepada kemahiran insaniah iaitu sikap positif, mampu menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, boleh bekerja dalam pasukan, berdaya saing dan mempunyai kemahiran kepimpinan yang menjadi tarikan kepada para majikan. Justeru, semua pelajar harus mempersiapkan diri dengan kemahiran insaniah semasa di peringkat universiti agar mudah menyesuaikan diri ketika memasuki alam pekerjaan. Norazila Mat et al. (2017) menyebut bahawa kesukaran graduan dalam mendapatkan pekerjaan adalah disebabkan oleh kurang menguasai kemahiran ini walaupun mempunyai tahap pencapaian akademik yang cemerlang.

Buktinya, menurut statistik Laporan Kajian Pengesanan Graduan seramai 41,161 bersamaan 13.8 peratus graduan masih tidak mendapatkan pekerjaan (Kementerian Pengajian Tinggi, 2019). Antara faktor penyumbang kepada kegagalan menempatkan diri dalam sektor pekerjaan adalah penguasaan kompetensi kemahiran insaniah yang lemah dalam kalangan graduan kini, iaitu kemahiran bekerja secara berpasukan, kemahiran komunikasi, kemahiran berfikir secara kritis, penyelesaian masalah dan kepimpinan (Siti Halijah & Mohd Faisal, 2018). Ini diperkukuhkan lagi dengan tiga kluster kemahiran yang dilihat oleh majikan daripada pelajar latihan industri iaitu pengurusan diri, kualiti peribadi dan kerja berpasukan (Abd Hair et al., 2004). Jelaslah di sini bahawa kemahiran kerja berpasukan merupakan antara elemen terpenting yang menjadi pelengkap kepada kemahiran insaniah dalam menghasilkan individu yang kompeten dan berkualiti serta seimbang dari sudut akademik mahupun interpersonal.

Kemahiran bekerja secara berpasukan menjadi kriteria penting dinilai oleh majikan dalam pemilihan pekerja baru menurut *National Association of Colleges and Employees* (2018) serta ia turut menjadi keperluan terpenting dalam kalangan pekerja sebagai kriteria yang diletakkan oleh hampir 80% majikan di Malaysia (Rosima et al., 2013). Namun, apa yang turut membimbangkan adalah prestasi kemahiran bekerja secara berpasukan dalam kalangan graduan semasa yang sedang bekerja juga didapati kurang memberangsangkan (Zafir et al., 2015). Terdapat banyak aduan yang diterima oleh majikan daripada pekerja senior menyatakan bahawa graduan sukar untuk mengadaptasi dengan suasana bekerja dalam pasukan termasuklah komunikasi interpersonal (Fadillah et al., 2021). Malahan, terdapat juga majikan yang mempunyai persepsi bahawa graduan luar negara lebih baik berbanding graduan tempatan (Nurhafizah & Hazlin, 2020).

Maka tidak hairanlah apabila perkara ini sering mendapat perhatian daripada pelbagai pihak yang berperanan dalam menghasilkan pelajar atau modal insan yang berpotensi dilengkapi dengan kemahiran insaniah bagi memenuhi pasaran semasa menerusi aktiviti-aktiviti yang dijalankan bagi mengasah kemahiran mereka. Ianya juga boleh diterapkan melalui proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang melibatkan kurikulum seperti pembelajaran berasaskan masalah (PBL), pembelajaran berasaskan masalah berorientasikan projek (POPBL), pembelajaran koperatif dan *e-learning* termasuklah aktiviti sokongan berbentuk kokurikulum (Siti & Ruslin, 2017).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan objektif untuk:

1. Menilai tahap kemahiran bekerja secara berpasukan dalam kalangan pelajar.
2. Menentukan hubungan di antara kaedah pembelajaran koperatif dengan kemahiran bekerja secara berpasukan dalam kalangan pelajar.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Kemahiran Kerja Berpasukan

Kemahiran kerja berpasukan adalah kebolehan untuk membina hubungan yang baik, mampu berinteraksi dan bekerja secara efektif bersama ahli pasukan dalam mencapai objektif yang sama, kebolehan memahami dan mengambil peranan silih ganti antara ketua dan ahli pasukan serta kebolehan mengenali dan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan ahli pasukan (Martini, 2018). Bekerja secara berpasukan juga dapat diistilahkan sebagai kolaborasi dua orang atau lebih ahli yang saling memerlukan dalam melaksanakan tugas untuk mencapai tujuan yang sama. Kemahiran kerja berpasukan ini sangat penting dalam penghasilan sesuatu dengan baik secara berkualiti dan mampu dipertingkatkan menerusi gabungan idea dan kepakaran setiap ahli pasukan bagi menjayakan tugas tersebut (Ishani, 2019), disamping dapat mengatasi masalah pembaziran tenaga sekaligus meningkatkan semangat dan motivasi seseorang (Siti Halijah & Mohd Faizal, 2018).

Selain itu, bekerja secara berpasukan ini akan menghasilkan produktiviti kerja yang lebih baik berbanding secara individu atau bersendirian hasil perkongsian tenaga, kepakaran dan kemahiran serta kemampuan setiap ahli yang menjadi satu keperluan penting dalam sektor pekerjaan. Semua ahli daripada pelbagai latar belakang digabungkan sebagai satu pasukan yang mempunyai kemahiran dan kebolehan yang pelbagai sebagai pelengkap antara satu sama lain. Ini bertepatan dengan Mahlagha et al. (2018) yang turut memperakui bahawa melalui kerja berpasukan, setiap ahli akan bekerjasama dalam proses pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, mampu membina idea yang kreatif, menjadi sumber motivasi serta dapat berkongsi maklumat agar mampu menghasilkan inovasi dalam sesuatu perkara.

Maka tidak hairanlah apabila kemahiran kerja berpasukan ini menjadi antara aspek terpenting yang dilihat dan dinilai oleh majikan dalam pengambilan pekerja pada masa kini. Hal ini kerana bekerja secara berpasukan akan dapat membantu mencipta inovasi hasil daripada

interaksi yang dilakukan antara setiap ahli pasukan termasuklah kompilasi kebolehan dan kemahiran yang dimiliki oleh setiap individu. Ini diperkukuhkan lagi melalui tinjauan sistematik mengenai pedagogi bekerja secara berpasukan oleh Linda et al., (2016) yang menyatakan bahawa bekerja secara berpasukan telah menjadi satu keperluan dan bukan lagi salah satu kemahiran yang dikehendaki namun mesti ada pada seseorang graduan. Ini kerana graduan siswazah abad ini berada di era norma persekitaran atau budaya kerja berpasukan. Justeru, majoriti majikan pada masa kini beranggapan bahawa pelajar mampu dan dapat bekerjasama serta produktif dalam pasukan sebaik sahaja memasuki alam pekerjaan.

Kaedah Pembelajaran Koperatif

Pendekatan dan gaya sesebuah pembelajaran berperanan dalam penguasaan sesuatu bidang ilmu bagi meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran pelajar. Kaedah yang diguna pakai akan menjamin keberkesanan dan keberhasilan pembelajaran yang dilakukan. Di peringkat pengajian tinggi, pensyarah perlu membimbing para pelajar akan kaedah pembelajaran yang berkesan agar mereka lebih bersedia dan mampu untuk menyelesaikan masalah serta membina kemampuan dalam melaksanakan tugas di samping membina kemahiran yang diperlukan seperti kemahiran bekerja secara berpasukan (Alizah & Zamri, 2015). Tambahan lagi, Bobbette (2012) menyatakan bahawa kemahiran sosial dan sahsiah pelajar mampu dipupuk menerusi peluang untuk belajar dalam pasukan dengan gabungan kebolehan ahli yang pelbagai. Bentuk pembelajaran konvensional atau tradisional dikatakan kurang relevan pada masa kini kerana ianya bersifat pasif. Oleh itu, untuk melibatkan pelajar secara aktif, rangsangan perlu diberikan bagi melatih pemikiran dan minda mereka untuk berfikir di luar kotak yang mampu membentuk pemikiran kritis. Antaranya adalah melalui kaedah pembelajaran koperatif.

Pembelajaran koperatif melibatkan kerjasama antara pelajar dalam kumpulan kecil dari pelbagai kebolehan yang secara tidak langsung memberi peluang kepada mereka untuk berbincang dan berinteraksi antara satu sama lain dalam mencapai matlamat yang ditetapkan. Kaedah ini membenarkan pelajar untuk berkomunikasi dan bersosial dengan betul hasil perkongsian pemikiran dan pandangan mereka secara berani dan bebas menerusi gabungan kerjasama, perkongsian maklumat, idea mahupun pengetahuan (Rasathi et al., 2021). Ini sejajar dengan Nadia et al. (2021) yang mendapati bahawa pembelajaran koperatif telah memberi keberkesanan kepada pelajar dalam menyatakan pendapat yang mendorong kepada kemahiran komunikasi kerana setiap pelajar berpeluang menggalas tanggungjawab melalui perkongsian kemahiran dalam kerja berkumpulan. Pertukaran idea dan proses interaksi dilakukan antara ahli pasukan yang membantu dalam penyelesaian masalah bagi aktiviti yang dijalankan serta dalam usaha mencapai matlamat khusus kepada sesuatu perkara.

Dalam pada itu, kaedah pembelajaran koperatif ini turut melibatkan interaksi sosial dan sikap tolong-menolong antara ahli pasukan dalam mencapai satu matlamat yang ditetapkan secara bersama. Ini sangat bertepatan dengan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) kerana ianya adalah pembelajaran berpusatkan pelajar di mana pelajar bertanggungjawab terhadap pengurusan pendidikan atau ilmu pengetahuan mereka sendiri tanpa bergantung sepenuhnya kepada pensyarah. Para pelajar dalam sesebuah pasukan akan berbincang serta saling berkomunikasi bagi membolehkan berlakunya sesi pertukaran idea semasa proses pembelajaran. Hal ini secara tidak langsung menggalakkan interaksi sosial secara lebih aktif

hasil gabungan antara ahli pasukan. Maka, tidak hairanlah apabila Tee Tze Kiong et al. (2019) menyimpulkan bahawa pendekatan ini amat sesuai untuk digunakan dalam proses pembelajaran kerana mampu mempertingkatkan lagi kemahiran bekerja secara berpasukan sebagai elemen dalam kemahiran insaniah pelajar termasuklah elemen-elemen yang lain.

METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kajian ini adalah berasaskan kajian kuantitatif, iaitu tinjauan dengan menggunakan instrumen borang soal selidik. Pendekatan kajian kuantitatif dipilih kerana ia bersesuaian untuk menjawab persoalan kajian yang dibina agar matlamat kajian dapat dicapai. Data bagi kajian ini dikumpulkan melalui edaran borang soal selidik yang memfokuskan kepada pelajar tahun akhir di Fakulti Pengurusan & Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Kelompok ini dipilih sebagai sasaran kajian kerana mereka telah lama didedahkan dengan kaedah pembelajaran koperatif seawal tahun pertama mengikuti pengajian di peringkat IPT serta sedang dalam proses mempersiapkan diri bagi menjalani latihan industri dan seterusnya bakal memasuki alam pekerjaan yang sebenar. Maka, pelajar tahun akhir ini dilihat perlu mempunyai kemahiran bekerja secara berpasukan bagi mempersiapkan diri mereka untuk memasuki alam pekerjaan serta memenuhi kehendak industri.

Instrumen Kajian

Borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada 3 bahagian, iaitu bahagian A, B dan C yang mana masing-masing mengandungi soalan berkaitan demografi responden, tahap kemahiran bekerja secara berpasukan pelajar serta kaedah pembelajaran koperatif. Konstruk bagi bahagian B iaitu tahap kemahiran bekerja secara berpasukan pelajar yang digunakan dalam soal selidik kajian ini adalah diadaptasi dan diubahsuai daripada Noor Lela Ahmad & Nor Atikah Majid (2018) serta Mohamad Izzuddin Hilmi et al. (2021). Sementara itu, konstruk pada bahagian C iaitu kaedah pembelajaran koperatif pula telah dibina sendiri oleh pengkaji berdasarkan kepada sorotan literatur serta mendapatkan semakan dan pengesahan daripada seorang pakar bidang. Menurut Mohammad Azri et al. (2021), kesahan kandungan dilakukan untuk mengesahkan ketepatan item soal selidik bagi mengukur apa yang ingin dilihat dalam sesuatu kajian melalui semakan kesahan pakar. Skala lima likert digunakan bagi mengukur konstruk pada bahagian B dan C iaitu tahap kemahiran bekerja secara berpasukan pelajar serta kaedah pembelajaran koperatif. Skala yang digunakan dalam soal selidik adalah 1 untuk Sangat Tidak Setuju (STS), 2 untuk Tidak Setuju (TS), 3 untuk Kurang Setuju (KS), 4 untuk Setuju (S), dan 5 untuk Sangat Setuju (SS).

Kajian Rintis

Sebelum data sebenar dikumpul, pengkaji telah menjalankan kajian rintis ke atas 30 orang responden yang bertujuan untuk mengenal pasti kelemahan instrumen kajian dan tatacara kajian (Fraenkel & Wallen, 2009), di samping mengetahui tahap kesahan dan kebolehpercayaan borang soal selidik dalam mengukur pemboleh ubah kajian secara konsisten setiap kali ia digunakan pada masa, tempat dan sampel yang berlainan (Mohd Salleh & Zaidatun, 2001). Kajian rintis ini juga dijalankan untuk melihat kebolehpercayaan sebelum melakukan kajian sebenar yang mana kebolehpercayaan merujuk kepada konsistensi dan kestabilan data yang diperolehi melalui pengumpulan data yang dijalankan bergantung kepada

konstruk dan kandungan item soal selidik tersebut (Mohd Syaubari & Ahmad Yunus, 2018). Jadual 1 menunjukkan hasil analisis yang memaparkan nilai indeks kebolehpercayaan bagi setiap pemboleh ubah dalam kajian ini adalah melebihi 0.7. Oleh itu, item-item dalam soal selidik dianggap memuaskan serta boleh digunakan bagi mendapatkan data sebenar (Chua, 2006).

Jadual 1: Nilai Indeks Kebolehpercayaan bagi Pemboleh Ubah Kajian

Pemboleh ubah	Alpha Cronbach	Bilangan item
Kaedah pembelajaran koperatif	$\alpha = 0.931$	10
Kemahiran bekerja secara berpasukan	$\alpha = 0.934$	10

Pensampelan Kajian

Populasi bagi kajian ini adalah seramai 295 orang pelajar tahun akhir di Fakulti Pengurusan & Muamalah, KUIS. Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), sampel minimum yang dicadangkan bagi jumlah populasi tersebut adalah seramai 169 orang. Justeru dengan menggunakan persampelan mudah, borang soal selidik telah diedarkan secara atas talian melalui *Google Form* kepada golongan sasaran kajian. Hasilnya, sebanyak 170 set borang soal selidik yang diisi dengan lengkap berjaya dikumpulkan oleh penyelidik untuk dianalisis. Justeru, dapatan yang akan dibincangkan dalam bahagian seterusnya adalah hasil analisis bagi 170 orang responden. Analisis deskriptif dan korelasi pearson dijalankan dalam kajian ini untuk menilai tahap kemahiran bekerja secara berpasukan dalam kalangan pelajar serta menentukan hubungan di antara kaedah pembelajaran koperatif dengan kemahiran bekerja secara berpasukan dalam kalangan pelajar.

Hipotesis Kajian

Terdapat satu hipotesis kajian telah dibentuk untuk diuji iaitu:

H1: Terdapat hubungan yang signifikan di antara kaedah pembelajaran koperatif dengan kemahiran bekerja secara berpasukan dalam kalangan pelajar.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Demografi Responden

Jadual 2 menunjukkan kekerapan dan peratusan responden kajian iaitu seramai 170 orang mengikut jantina, umur dan bidang pengajian. Berdasarkan jadual di bawah, majoriti responden bagi kajian ini adalah perempuan (63.5%), berumur di antara 22 hingga 23 tahun (55.3%) dan mengikuti bidang pengajian Pengurusan Sumber Insan (29.4%).

Jadual 2: Analisis Latar Belakang Responden

Item	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	62	36.5
Perempuan	108	63.5

Umur

20 – 21 tahun	7	4.1
22 – 23 tahun	94	55.3
≥ 24 tahun	69	40.6

Bidang Pengajian

Pentadbiran Perniagaan dengan E-Dagang	19	11.2
Pengurusan Sumber Insan	50	29.4
Ekonomi dan Kewangan	21	12.4
Perakaunan	18	10.6
Kewangan Islam	29	17.1
Pengurusan (Industri Halal)	33	19.4

Analisis Deskriptif Tahap Kemahiran Bekerja Secara Berpasukan Pelajar

Jadual 3 menunjukkan keputusan analisis min bagi tahap kemahiran bekerja secara berpasukan dalam kalangan pelajar.

Jadual 3: Nilai Min bagi Tahap Kemahiran Bekerja Secara Berpasukan Pelajar

Bil	Item	Nilai Min	Tahap
1	Saya sering berkongsi maklumat ketika sesi perbincangan dijalankan di antara ahli pasukan.	4.24	Tinggi
2	Saya memberikan galakan kepada ahli pasukan sebagai tanda sokongan.	4.26	Tinggi
3	Saya sentiasa mendengar dengan baik penerangan rakan sepasukan sebelum memberikan pendapat.	4.27	Tinggi
4	Saya mampu bekerjasama dengan baik di antara ahli pasukan yang lain.	4.22	Tinggi
5	Saya sering berkomunikasi dengan ahli pasukan.	4.19	Tinggi
6	Saya suka memberikan idea kepada ahli pasukan.	4.08	Tinggi
7	Saya cepat menyesuaikan diri dengan ahli pasukan yang lain.	3.95	Tinggi
8	Saya mengenali dan menghormati sikap, kelakuan dan pemikiran orang lain.	4.24	Tinggi
9	Saya berkeupayaan membuat penilaian akan keputusan yang telah diambil oleh ahli pasukan tanpa berat sebelah.	4.10	Tinggi
10	Saya memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua dan ahli pasukan.	4.09	Tinggi

Nilai Min Keseluruhan: 4.16

Berdasarkan Jadual 3 di atas, hasil dapatan yang diperolehi daripada 10 item bagi tahap kemahiran bekerja secara berpasukan dalam kalangan pelajar menunjukkan nilai min yang paling tinggi adalah min 4.27 iaitu untuk item “saya sentiasa mendengar dengan baik penerangan rakan sepasukan sebelum memberikan pendapat”. Ini menunjukkan bahawa mendengar atau menerima pendapat dan pandangan orang lain adalah perkara terpenting dalam memupuk kerjasama dan membina hubungan yang baik serta menyumbang kepada peningkatan kemahiran bekerja secara berpasukan. Hal ini bertepatan dengan kenyataan oleh Bhavani & Zamri (2017) yang menyatakan bahawa hormat-menghormati akan pandangan dan pendapat yang diutarakan setiap ahli pasukan tanpa mencelah ketika mereka sedang menyampaikan maklumat mampu menerapkan nilai yang baik dalam kerja berpasukan. Ini akan mendorong kepada penguasaan kemahiran bekerja secara berpasukan dalam kalangan pelajar kerana terdapat jalinan hubungan positif yang dibina antara ahli pasukan.

Sementara itu, bagi skor min terendah pula ialah 3.95 iaitu untuk item “saya cepat menyesuaikan diri dengan ahli pasukan yang lain”. Anitha & Muthukumar (2013) dalam kajian mereka mendapati bahawa terdapat individu yang mempunyai tanggapan negatif dan tidak begitu selesa bagi bekerja secara berpasukan. Oleh itu, mewujudkan persekitaran pembelajaran yang baik dan positif penting sebagai pendorong kepada pembentukan kemahiran bekerja secara berpasukan (Che Mohd Syaharuddin et al., 2017) sebagai penyelesaian kepada isu ini dalam meningkatkan kemahiran bekerja secara berpasukan.

Secara keseluruhannya, hasil analisis deskriptif bagi kajian ini mendapati bahawa kemahiran bekerja secara berpasukan dalam kalangan pelajar adalah berada tahap yang tinggi dengan nilai min 4.16. Ini menunjukkan bahawa pelajar di FPM, KUIS mempunyai tahap kemahiran bekerja secara berpasukan yang tinggi khususnya dalam proses komunikasi kerana mereka mampu untuk menerima buah fikiran orang lain dengan mendengar secara aktif.

Dapatan Korelasi Pearson

Analisis korelasi Pearson dijalankan bagi mengukur kekuatan hubungan di antara pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar. Tiga jenis hubungan yang mungkin wujud di antara pemboleh ubah yang dikaji ialah korelasi positif, korelasi negatif atau tiada korelasi (Fah & Hoon, 2009). Kekuatan korelasi pula diukur berdasarkan magnitud pekali korelasi, iaitu semakin besar korelasi maka semakin kukuh sesuatu hubungan (Mohd Lazim & Wan Muhamad Amir, 2013).

Jadual 4 di bawah menunjukkan nilai korelasi di antara dua pemboleh ubah yang dikaji iaitu kaedah pembelajaran koperatif dengan kemahiran bekerja secara berpasukan dalam kalangan pelajar. Hasil analisis korelasi Pearson menunjukkan nilai signifikan yang kurang daripada $\alpha = 0.05$, iaitu 0.000. Oleh itu, hipotesis nol ditolak dan hipotesis alternatif diterima. Dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan di antara kaedah pembelajaran koperatif dengan kemahiran bekerja secara berpasukan dalam kalangan pelajar, di mana kekuatan hubungan di antara kedua-dua pemboleh ubah ini adalah kuat dengan nilai korelasinya 0.774.

Jadual 4: Korelasi Pearson

		Kaedah Pembelajaran Koperatif
Kemahiran Bekerja Secara Berpasukan dalam Kalangan Pelajar	Korelasi Pearson	0.774**
	Nilai Signifikan (2-tailed)	0.000
	N	170
	Kekuatan Hubungan	Kuat

** Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed)

Dapatan bagi kajian ini adalah sejajar dengan dapatan oleh Umami dan Nurfaradilla (2020) yang menyatakan bahawa kaedah pembelajaran koperatif mampu mendorong pelajar dalam pelajaran iaitu seiring dengan kemahiran bekerja secara berpasukan kerana terdapat perbincangan dan kerjasama antara pelajar. Hasil perbincangan atau interaksi inilah yang akan mempertingkatkan kemahiran bekerja secara berpasukan melalui hubungan yang baik antara ahli pasukan ketika dalam proses perbincangan bagi aktiviti atau tugas berkumpul seperti dalam kajian Tee Tze Kiong et al. (2019) yang menyatakan kaedah pembelajaran koperatif melibatkan kerjasama antara pelajar dalam kumpulan kecil dari pelbagai kebolehan dan membuka ruang perbincangan dengan berinteraksi antara satu sama lain. Ini jelas membuktikan kaedah pembelajaran koperatif sangat mempengaruhi kemahiran bekerja secara berpasukan pelajar.

Secara rumusannya, keputusan bagi hipotesis kajian ini ditunjukkan dalam Jadual 5 di bawah.

Jadual 5: Keputusan Hipotesis Kajian

Hipotesis	Butiran	Keputusan
H1	Terdapat hubungan yang signifikan di antara kaedah pembelajaran koperatif dengan kemahiran bekerja secara berpasukan dalam kalangan pelajar.	Diterima

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa kemahiran bekerja secara berpasukan dalam kalangan pelajar di FPM, KUIS adalah berada pada tahap yang tinggi dengan nilai purata min keseluruhan 4.16. Melalui analisis korelasi pearson pula menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan dan kuat di antara kaedah pembelajaran koperatif dengan kemahiran bekerja secara berpasukan dalam kalangan pelajar.

Kemahiran kerja berpasukan pelajar dipengaruhi oleh kaedah pembelajaran koperatif kerana kaedah ini memerlukan kerjasama antara seorang individu dengan individu yang lain dalam proses melaksanakan tugas secara berpasukan. Kaedah pembelajaran koperatif ini

juga dikatakan sangat berpengaruh dalam meningkatkan interaksi pelajar berbanding pembelajaran konvensional (Ummi dan Nurfaradilla, 2020), di mana hasil interaksi inilah yang membantu mempertingkatkan kemahiran bekerja secara berpasukan melalui hubungan yang baik antara ahli pasukan ketika dalam proses perbincangan bagi aktiviti atau tugas berkumpulan. Proses pembelajaran juga akan lebih bermakna apabila kerjasama dipupuk dalam kalangan ahli kumpulan bagi memberi peluang kepada setiap ahli dalam melontarkan pendapat atau idea untuk menyelesaikan masalah, seterusnya menjadikan kaedah ini lebih diyakini oleh pelajar sebagai jalan dalam penyelesaian masalah.

Justeru, tenaga pengajar di institusi pendidikan adalah disaran untuk mengaplikasikan kaedah pembelajaran koperatif ini dalam pedagogi pengajaran mereka sebagai usaha mempersiapkan para graduan atau modal insan yang berkualiti dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan dalam industri, khususnya kemahiran bekerja secara berpasukan dimana ia menjadi antara ciri atau elemen yang dilihat oleh majikan kini sebagai pelengkap serta nilai tambah kepada diri para graduan.

PENGHARGAAN

Setinggi ucapan terima kasih buat pihak yang terlibat terutama Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor yang telah memberi kerjasama, sokongan dan bantuan kemudahan dalam menyiapkan kajian ini.

RUJUKAN

- Abd Hair Awang, Azimi Hamzah, Rahmah Ismail & Jegak Uli. (2004). *Kemahiran Bolehkerja: Keseimbangan Antara Tuntutan Majikan dan Penguasaan Pelatih*. Persidangan Kebangsaan Penyelidikan Siswazah Pengajian Pendidikan, UPM, 11 September 2004.
- Alizah Lambri & Zamri Mahamod. (2015). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Berpusatkan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi: Pelaksanaan dan Penerimaan Pelajar. *Journal Personalia Pelajar* 18(1), 1-12.
- Anitha Sundrum & Muthukumar Kanasan. (2013). Students' Perception on the Effectiveness of Teamwork Based Activities in Enhancing the Learning Process. *Eurasian Journal of Social Sciences, Eurasian Publications, vol. 1(2)*, pages 52-60.
- Bhavani Somasundram & Zamri Mahamod. (2017). Keberkesanan Pembelajaran Koperatif Terhadap Pencapaian Dan Motivasi Murid Sekolah Menengah Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, 11-23.
- Bobbette M. Morgan. (2012). Teaching Cooperative Learning with Children's Literature. *National Forum of Teacher Education Journal Volume 22, Number 3*, 1-12.
- Che Mohd Syaharuddin Che Cob, Bahyah Abdul Halim & Aziz Amin. (2017). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Prestasi Kerja dalam Kalangan Penjawat Awam: Satu Kajian Teoritik. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah. Vol 4 (1)*: 67-75
- Chua, Y.P. (2006). *Asas Statistik Penyelidikan*. McGraw-Hill Malaysia.
- Fadillah Ismail, Radin Hamimah Mohamad, Nur Raihan & Dayana Khamis. (2021). Penguasaan Kemahiran Insaniah Melalui Penglibatan dalam Kokurikulum Pasukan

- Bomba Bantuan Institusi. *Research in Management of Technology and Business Vol. 2 No. 1*, 427-445.
- Fah, L.Y. & Hoon, K.C. (2009). *Pengenalan Kepada Analisis Data Komputer Dengan SPSS 16.0 Untuk Windows*. Selangor: Venton Publishing (M) Sdn Bhd.
- Fraenkel, J.R. & Wallen, N.E. (2009). *How To Design And Evaluate Research In Education (7th Ed)*. New York. Mcgraw-Hill.
- Ishani Aggarwal. (2019). *Cognitive Style Diversity In Teams*. Doctor of Philosophy, Tepper School of Business. Garnegie Mellon University.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2019). <https://www.mohe.gov.my/muat-turun/awam/statistik?limit=15&sort=title&direction=desc>.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*. Educational and Psychological Measurement.
- Linda Riebe, Antonia Girardi & Craig Whitsed. (2016). Teaching Teamwork Skills in Australian Higher Education Business Disciplines. *Teaching & Learning Forum, 1-11*.
- Mahlagha Darvishmotevalia, Levent Altinay & Glauco De Vita. (2018). Emotional intelligence and creative performance: Looking through the lens of environmental uncertainty and cultural intelligence. *International Journal of Hospitality Management, 44-51*.
- Martini Binti Mohamad. (2018). *Pengaruh Persekitaran Pembelajaran Terhadap Kemahiran Kerja Berpasukan Dalam Kalangan Pelajar Tahun Akhir Diploma Kolej Vokasional Malaysia Di Selangor*, Serdang. Tesis Ijazah Master Sains, Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia.
- Mohamad Izzuddin Hilmi Mohamad Zaini, Abu Zarrin Selamat, Mohd Fauzi Ali & Mohd Husni Abd Halid. (2021). Tahap Kemahiran Generik Dalam Melahirkan Kepemimpinan Mahasiswa Berwibawa di Politeknik. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research, 1(1)*, 78-91.
- Mohammad Azri Amatan, Crispina Gregory K. Han & Vincent Pang. (2021). Kesahan Kandungan Soal Selidik Faktor Konteks, Input dan Proses Terhadap Penerimaan Pelaksanaan Elemen Pendidikan STEM dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Menggunakan Nisbah Kesahan Kandungan (CVR). *International Journal of Advanced Research in Future Ready Learning and Education 23, Issue 1*, 10-22.
- Mohd Lazim Abdullah & Wan Muhamad Amir Wan Ahmad. (2013). *Analisis Data dengan Statistik Asas*. Penerbit UMT, Universiti Malaysia Terengganu.
- Mohd Saleh Abu & Zaidatun Tasir. (2001). *Pengenalan Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0 for Window*. Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim. (2018). Kajian Rintis bagi Pelaksanaan Komposisi Pengajaran Guru Pendidikan Islam Yang Mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Menerusi Pendidikan Akidah Sekolah Rendah di Malaysia. *Malaysian Online Journal of Education, Vol 2, No.2*, 55-60.
- Nadia Abdul Rahim, Nor Aqilah Meor Fadzir, Nur Adilah Hani Zaimal, Firli Fairulyzan Arias Yahaya, Zatul Iffah Zainol & Mohd Razimi Husin. (2021). Implikasi Gaya Pembelajaran Koperatif Subjek Sains Bagi Murid Tahap Dua di Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Rawang. *Journal of Humanities and Social Sciences, Vol. 3, No. 2*, pp. 57-66.
- National Association of Colleges and Employees (2018). *Job Outlook Survey*. Bethlehem.

- Noor Lela Ahmad & Nor Atikah Majid. (2018). Program Praktikum Sebagai Medium Penguatan Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Guru Pelatih. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 43(2), 17-27.
- Norazila Mat, Muhammad Syaqif Noordin, Nur Atiqah Abdullah, Nazri Muslim & Jamsari Alias. (2017). Pembentukan Kemahiran Insaniah Pelajar Melalui Badan Beruniform Di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 33-46.
- Nurhafizah Suradi & Hazlin Falina Rosli. (2020). Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Satu Tinjauan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). *Proceeding of the 7th International Conference on Management and Muamalah 2020 (ICoMM 2020)*, 306-317.
- Rasathi Selvarajah, Nurfaradilla Mohd Nasri & Ahmad Zamri Mansor. (2021). Kesan Kaedah Pembelajaran Koperatif Semasa Penghasilan Boneka Tongkat Terhadap Kemahiran Komunikasi dan Kemahiran Berpasukan Murid. *Jurnal Dunia Pendidikan, [S.l.]*, v. 3, n. 2, p. 72-83. ISSN 2682-826X.
- Rosima Alias, Mohd Izham Mohd Hamzah & Nora Yahya. (2013). Keperluan Generik: Antara Aspirasi Majikan dengan Keperluan Pekerja Profesional. *Jurnal Pengurusan* 37, 105-114.
- Siti Halijah Ngadiman & Mohd Faizal Jamaludin. (2018). Hubungan di antara Kemahiran Kerja Berpasukan dan Kemahiran Komunikasi dalam Kalangan Pelajar Semester Akhir Politeknik. *International Journal of Education, Psychology and Counseling, (3) (19)*, 01-18.
- Siti Zakaria & Ruslin Amir. (2017). Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah Pelajar Pengajian Islam. *The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, 89-108.
- Tee Tze Kiong, Norfazira Fadzil, Jailani Md Yunos, Yee Mei Heong, Mimi Mohaffyza Mohamad & Widad Othman. (2019). Pembangunan Modul Strategi Pembelajaran Koperatif Bagi Bakal Pensyarah Kolej Vokasional. *Online Journal for TVET Practitioners, Vol 4, No. 2*, 11-29.
- Ummi Salehah Hamzah & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2020). Kajian Meta Analisis: Keberkesanan Pembelajaran Koperatif Terhadap Motivasi Pembelajaran Murid. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial (JOSSR), Volume 3 Issues: 9*, 21-33.
- Zafir Mohd Makhbul, Ishak Yussof & Abdul Hair Awang. (2015). Antara realiti dan harapan – Kajian empirikal persepsi majikan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 27-36.
- Zaliza Hanapi, Mohd Shazielan Mohd Shariff, Azlina Paijan, Abu Bakar Mamat & Faizah Abu Kassim. (2018). Indikaor Kemahiran Employbility dalam Kalangan Graduan Pendidikan. *Sains Humanika*, Fakulti Teknikal dan Vokasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia.